

Kajian alahan sarung tangan getah asli

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) akan menjalankan kerjasama penyelidikan kesan sarung tangan getah asli terhadap pekerja kesihatan di seluruh dunia.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, penyelidikan tersebut dijalankan bagi mengetahui tahap alahan terhadap sarung tangan perubatan berkenaan terhadap pekerja.

"Penyelidikan akan dibuat ke atas pencirian sarung tangan termasuk kandungan serpihan protein dan kimia untuk menentukan status kadar alahan getah asli pada mereka yang berisiko tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak di Putrajaya baru-baru ini, yang disaksikan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Datuk Peter Chin Fah Kui.

Memorandum itu ditandatangani oleh Dr. Nik Mustapha yang mewakili UPM dan Ketua Pengarah LGM, Datuk Dr. Kamarul Baharin Basir mewakili lembaga tersebut.

Turut hadir Pengarah Institusi

Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP), UPM, Prof. Madya Dr. Jalaluddin Harun dan Timbalan Ketua Pengarah LGM, Dr. Mohd Akbar Md Said.

Selamat

Sementara itu, menurut, Fah Kui, hasil penyelidikan tersebut akan mendorong industri sarung tangan menghasilkan produk getah asli bagi tujuan perubatan yang selamat dan bermutu tinggi di dunia.

"Ia mampu meyakinkan pengguna terhadap sarung tangan tempatan," katanya.

Beliau turut berkata, kementeriannya turut memberi penekanan berdasarkan enam agensi mengikut komoditi iaitu sektor kayu kayan dan biokomposit, kelapa sawit dan sagu, getah dan jatropha, tembakau dan kenaf serta koko.

Terdahulu, Majlis Dialog Keempat KPPK dengan UPM yang diwakili INTROP pada majlis yang sama membincangkan pembangunan modal insan untuk menyediakan latihan industri dan amali di agensi KPPK kepada pelajar dan staf UPM, selain warga KPPK ditawarkan melanjutkan pelajaran di UPM.



NAIB Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (tiga dari kiri) bertukar dokumen MoU dengan Ketua Pengarah LGM, Dato' Dr. Kamarul Baharin Basir.